

Tahap Pengetahuan OKU Pendengaran Muslim tentang Allah SWT berdasarkan Surah al-Ikhlâs: Kajian Rintis di Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan

*(The Level of Religious Knowledge among Deaf Muslims about Allah SWT based
on Surah al-Ikhlâs: A Pilot Study at the Negeri Sembilan Deaf Association)*

Siti Ramna binti Khamaruddin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Nurul Asiah Fasehah Muhamad

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Norakyairee Mohd Raus

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Siti Mardhiyah Kamal Azhar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstrak

Kajian rintis ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Muslim tentang Allah SWT berdasarkan kandungan surah al-Ikhlâs. Surah al-Ikhlâs dipilih kerana ia mengandungi konsep tauhid yang ringkas dan padat, sesuai dijadikan asas dalam pengajaran akidah kepada komuniti OKU Pendengaran Muslim. Kajian ini dijalankan di Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan melibatkan seramai 12 orang responden. Pendekatan kuantitatif digunakan melalui instrumen soal selidik yang dibangunkan berasaskan maksud dan tafsiran surah al-Ikhlâs. Soal selidik ini mengandungi item-item yang merangkumi aspek keesaan Allah, sifat wajib dan sifat mustahil Allah SWT. Prestasi keseluruhan responden dalam menjawab 24 soalan yang diberikan mencatatkan purata pada tahap memuaskan sebanyak 64.58%. Dari segi analisis secara keseluruhan, data menunjukkan bahawa sebanyak 228 jawapan betul direkodkan daripada 288 jawapan keseluruhan, menghasilkan peratusan ketepatan sebanyak 79.17%. Ini menggambarkan tahap pemahaman yang baik dalam kalangan responden. Namun, kajian mendapati terdapat perbezaan yang ketara dalam pemahaman terhadap dua kategori antara sifat wajib dan sifat mustahil. Responden lebih memahami sifat wajib Allah, dengan purata jawapan betul sebanyak 83.3%, berbanding dengan sifat mustahil Allah yang hanya mencatatkan 52.4% jawapan betul. Dapatan ini memperlihatkan bahawa konsep sifat wajib seperti keesaan, kekuasaan, dan kemampuan Allah lebih mudah difahami oleh responden berbanding konsep sifat mustahil yang memerlukan kefahaman lebih mendalam tentang ketidaksamaan Allah dengan makhluk. Kajian ini membawa implikasi kepada keperluan membangunkan model pengajaran tauhid berasaskan visual untuk OKU Pendengaran, merangkumi penggunaan video, grafik, animasi, serta penghasilan isyarat khusus bagi sifat-sifat Allah. Selain itu, latihan kepada guru Pendidikan Islam dalam penguasaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan amalan pedagogi inklusif perlu diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman dalam kalangan OKU Pendengaran. Kajian ini turut mencadangkan penambahbaikan kurikulum Pendidikan Islam supaya lebih mesra OKU Pendengaran, serta penerbitan bahan rujukan yang bersifat lebih visual dan literal bagi memudahkan pemahaman konsep tauhid dalam kalangan komuniti ini.

Kata Kunci: Tahap Pengetahuan; OKU Pendengaran; Muslim; Allah SWT; Surah al-Ikhlâs

Abstract

This pilot study aims to assess the level of knowledge of Muslim individuals who are deaf regarding Allah SWT, based on the content of Surah al-Ikhlâs. Surah al-Ikhlâs was selected as it contains a concise and comprehensive concept of Tawhid, making it a suitable foundation for teaching Aqidah to the Muslim deaf community. The study was conducted at the Negeri Sembilan Deaf Association and involved 12 respondents. A quantitative approach was employed using a questionnaire developed based on the meaning and interpretation of Surah al-Ikhlâs. The questionnaire comprised items covering aspects such as the oneness of Allah, His essential attributes (*sifat wajib*), and His impossible attributes (*sifat mustahil*). The respondents' overall performance in answering the 24 questions yielded a satisfactory average score of 64.58%. A comprehensive analysis of the data revealed that 228 correct

Article Progress

Received: 01 October 2025

Revised: 14 October 2025

Accepted: 28 October 2025

answers were recorded out of 288 total responses, resulting in an accuracy rate of 79.17%. This indicates a generally good level of understanding among the respondents. However, the study identified a significant disparity in understanding between the two categories of attributes, namely the necessary attributes of Allah and the impossible attributes of Allah. Respondents demonstrated a higher level of understanding of the necessary attributes of Allah, with an average of 83.3% correct responses, compared to only 52.4% for the impossible attributes of Allah. This finding indicates that concepts such as Allah's oneness, power, and ability are more readily comprehended by respondents, whereas the impossible attributes, which necessitate a deeper understanding of Allah's dissimilarity to His creation, present greater challenges. The study underscores the need to develop a visual-based Tawhid teaching model tailored for the deaf community. This model should incorporate videos, graphics, animations, and the creation of specific signs to represent the attributes of Allah. Additionally, it is recommended that Islamic Education teachers receive training in Malaysian Sign Language (BIM) and inclusive pedagogical practices to enhance understanding among deaf learners. The study also recommends improvements to the Islamic Education curriculum to make it more accessible and inclusive for the deaf community, as well as the publication of reference materials that are more visual and literal in nature to facilitate the understanding of Tawhid concepts among this group.

Keywords: Level of Knowledge; Muslim; Deaf; Allah SWT; Surah al-Ikhlās

1. PENGENALAN

Pemahaman tentang Allah SWT merupakan inti pati utama dalam ajaran tauhid yang membentuk pandangan hidup seorang Muslim, termasuk individu OKU Pendengaran (Shuriye Abdi Omar, 2014). Ilmu tauhid membantu mencegah seseorang daripada terjerumus dalam amalan syirik (Budie Agung et al., 2019), di samping memperkukuh keyakinan terhadap sifat-sifat Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Ikhlās. Kefahaman yang mendalam tentang Allah SWT melalui pendekatan tauhid ini diyakini dapat membawa kepada kebahagiaan yang kekal (*sa'adah*) dalam kehidupan seorang Muslim (Pauzi Yusoff et al., 2022).

Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001) menegaskan bahawa persoalan tentang Tuhan dan konsep tauhid merupakan isu pokok dalam setiap agama dan falsafah. Dalam konteks ajaran Islam, tauhid merupakan asas yang paling fundamental, yang mendasari seluruh ajaran Islam dan bersumberkan wahyu Ilahi. Allah SWT adalah hakikat yang mutlak — Dia disabitkan sebagai Yang Maha Esa, bukan suatu mitos, bukan gambaran rekaan, dan bukan simbol yang berubah-ubah mengikut pemikiran manusia atau peredaran zaman. Tambah beliau lagi, Allah SWT bukan hasil reka cipta idea mahupun pengamatan akal manusia; sebaliknya, ma'rifah tentang-Nya diperoleh melalui petunjuk wahyu Ilahi yang disampaikan oleh para Rasul AS sebagai utusan-Nya.

Oleh yang demikian, al-Quran al-Karim bukan hanya menjelaskan kepada soal tauhid dan menyeru manusia supaya menerima ajaran tauhid semata-mata, malah al-Quran juga menerangkan iktikad-iktikad yang bertentangan dengan iktikad Islam untuk menunjukkan kepalsuannya. Kemudian, al-Quran memperincikan ajaran-ajaran Islam di atas asas yang kuat dan tetap. Surah al-Ikhlās sebagai landasan dan sumber inspirasi kepada tauhid sebenar yang menjelaskan konsep ketuhanan Allah SWT yang merangkumi perbincangan hakikat zat, sifat, perbuatan dan nama Allah yang Maha Agung. Firman Allah SWT dalam surah al-Ikhlās;

﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa (1); "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat (2); "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan (3); "Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya". (4).

(Al-Qur'an. Al-Ikhlās 112: 1-4)

Surah Al-Ikhlas merupakan surah ke-112 dalam senarai surah-surah yang terdapat dalam kitab suci al-Quran. Surah yang ringkas dan padat ini terdiri daripada empat ayat, lima belas perkataan, dan empat puluh tujuh huruf. (al-Harārī, 2001). Melalui hadis Nabi Muhamamad SAW;

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَجُلًا سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ: قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ يُرَدِّدُهَا، فَلَمَّا أَصْبَحَ جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ، وَكَأَنَّ الرَّجُلَ يَتَقَالَّهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنَّهَا لَتَعْدِلُ ثُلُثَ الْقُرْآنِ.

Daripada Abu Sa'id al-Khudri, (beliau meriwayatkan bahawa) seorang lelaki mendengar seorang lelaki yang lain membaca *Qul Huwa Allahu Ahad* dan dia mengulang-ulanginya. Apabila tiba waktu pagi, dia pergi bertemu dengan Rasulullah sallahu 'alaihi wasallam dan menceritakan perkara tersebut kepada baginda. Dia menganggap amalan tersebut hanya kecil sahaja. Maka Rasulullah sallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Demi jiwaku yang berada dalam kekuasaanNya, ia menyamai sepertiga al-Quran." (Ḥadīth. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb a-Tauhīd: Bāb Mā Jā'a fī Duā innabiyyi Sallāhu 'alaihi Wasallam Ummatihi ilā Tauhīdillahhi Tabāraka wa Ta'alā: Juz'97:#7374)

Berhubung dengan maksud yang disampaikan oleh Rasulullah SAW mengenai surah al-Ikhlas yang setara dengan sepertiga dari al-Quran, al-Nasafi (2008) menjelaskan bahawa hal ini disebabkan oleh kerangka al-Quran yang mencakupi tiga aspek utama: tauhid dan sifat-sifat Allah SWT, perintah dan larangan Allah SWT, serta kisah-kisah dan pelajaran yang dapat diambil dari riwayat umat terdahulu. Oleh itu, surah ini mengandungi keterangan mengenai tauhid kepada Allah SWT dan pembelajaran mengenai sifat-sifat-Nya. Dengan demikian, secara tidak langsung, surah al-Ikhlas mewakili sepertiga dari isi kandungan keseluruhan dalam al-Quran. Kajian ini menggunakan kandungan surah al-Ikhlas sebagai asas dalam menilai tahap pengetahuan OKU Pendengaran Muslim tentang Allah SWT. Surah ini dipilih kerana mengandungi konsep tauhid yang ringkas namun padat, termasuk pengenalan kepada sifat-sifat Allah SWT seperti keesaan-Nya (Allah Maha Esa), sifat as-Samad (tempat bergantung segala makhluk), serta penegasan bahawa Allah tidak beranak dan tidak diperanakkan, dan tiada sesuatu pun yang setara dengan-Nya. Pendekatan ini bertujuan memudahkan kefahaman OKU Pendengaran terhadap konsep ketuhanan dalam Islam.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Tauhid merupakan asas utama dalam kehidupan seorang Muslim kerana ia membentuk kefahaman tentang Zat dan sifat-sifat Allah SWT secara benar dan menyeluruh. Kefahaman ini perlu bersifat hakiki, bukan sekadar ikut-ikutan (*taklidi*), kerana keimanan yang tidak berasaskan ilmu yang mantap boleh membawa kepada penyimpangan akidah, bahkan kekufuran, seperti yang dinyatakan oleh Said Nursi dalam Risalah Kalimah ke-23 (Badiuzzaman Said Nursi, 2021). Dalam al-Quran, Allah SWT menekankan kepentingan konsep tauhid melalui surah al-Ikhlas (112:1–4), yang memperkenalkan sifat-sifat utama Allah SWT seperti keesaan-Nya, sifat *as-Samad*, dan penafian terhadap sebarang bentuk kesamaan atau hubungan keturunan dengan makhluk.

Walaupun pendidikan tauhid telah mendapat perhatian dalam kalangan golongan tipikal, penekanan terhadap konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan komuniti Pekak masih kurang diberi perhatian. Kajian-kajian yang ada lebih memfokuskan kepada bidang syariah seperti ibadah, munakahat, muamalat, serta pendidikan al-Quran, manakala kajian mengenai akidah pula hanya menyentuh isu pengajaran dan pemantapan akidah secara umum tanpa memberi tumpuan khusus terhadap pemahaman yang mendalam mengenai Allah SWT. Padahal, OKU Pendengaran juga mempunyai hak dan keperluan yang sama dalam memahami konsep ketuhanan, khususnya berkenaan Allah SWT.

Sedangkan, pengenalan kepada Allah SWT merupakan asas utama kepada pembentukan akidah yang kukuh. Dalam kalangan OKU Pendengaran, beberapa faktor mungkin menjadi penghalang kepada pemahaman ini, seperti kekangan komunikasi (Omar et al., 2021), kekurangan

bahan pembelajaran yang sesuai (Mustafa Che Omar et al., 2015), dan cabaran penggunaan bahasa isyarat dalam penyampaian ilmu agama (Lualdi et al., 2023; Siti Ramna Khamaruddin et al., 2020). Hal ini menimbulkan keperluan mendesak untuk kajian yang lebih terfokus terhadap tahap pengetahuan mereka tentang Allah SWT.

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kefahaman komuniti OKU Pendengaran terhadap sifat-sifat Allah SWT sebagaimana yang terkandung dalam Surah al-Ikhlâs. Kajian ini akan memberi fokus kepada dua kategori utama sifat Allah, iaitu sifat wajib yang mesti ada pada Allah, seperti keesaan, kekuasaan, dan keabadian-Nya, serta sifat mustahil yang tidak boleh ada pada Allah, seperti tidak mempunyai anak, pasangan, atau sifat-sifat makhluk seperti makan, minum, tidur, atau mati. Kajian ini turut diharap dapat merintis satu paradigma pengajaran akidah yang lebih holistik dan lestari, khususnya dalam memperkasa pendidikan Islam dalam kalangan komuniti OKU Pendengaran seperti yang terdapat di Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan.

3. KAJIAN LITERATUR

Menurut Hamzah Ya'akub (1988), tauhid dari segi bahasa bermaksud menyatukan, menunggalkan, mengesakan, dan menganggap sesuatu itu satu. Dari segi istilah, tauhid merujuk kepada ilmu yang menerangkan tentang sifat-sifat Allah SWT yang wajib diketahui dan dipercayai oleh setiap Muslim. Muhammad Samman Kati (1952) menyatakan bahawa tujuan utama ilmu tauhid adalah untuk membezakan antara pegangan yang sah dengan pegangan yang salah. Ilmu ini memberi panduan untuk mengenal Allah SWT dengan dalil yang kukuh, seterusnya membawa kepada kebahagiaan yang kekal di akhirat (Nik Mohd. Mohyideen Musa, 1987). Mempelajari ilmu tauhid adalah kewajipan bagi setiap orang yang mukallaf, meskipun dalam bentuk yang ringkas.

Namun, kajian literatur mendapati bahawa penyelidikan yang secara khusus mengkaji tahap pengetahuan OKU Pendengaran tentang Allah SWT masih terhad. Sebahagian besar kajian yang ada lebih menumpukan kepada konsep Allah secara umum, kaedah pengajaran akidah, pendekatan pedagogi yang efektif, serta aplikasi pengetahuan tentang Allah dalam kehidupan seharian. Di samping itu, kajian mengenai OKU Pendengaran lebih tertumpu kepada dimensi syariah seperti ibadah, muamalat, dan jenayah, dan kurang meneliti aspek pengetahuan mereka tentang Allah SWT dalam konteks pengajaran agama.

Bagi mendapatkan perspektif yang lebih holistik, kajian ini juga merujuk kepada penyelidikan berkenaan pendidikan akidah Islam untuk OKU Pendengaran, terutamanya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP). Di Malaysia, kajian mengenai akidah untuk golongan ini masih berada pada peringkat awal. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, kebanyakan kajian lebih cenderung kepada aspek syariah, walaupun terdapat beberapa inisiatif untuk membangunkan terminologi akidah yang lebih mesra OKU Pendengaran. Sebagai contoh, Kluster Kecemerlangan Kepemimpinan Islam, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) bersama beberapa institusi lain telah melaksanakan projek bagi meningkatkan kefahaman akidah dalam kalangan komuniti ini (ILIM, 2021).

Dalam konteks penulisan akademik, terdapat beberapa artikel yang memberi tumpuan khusus kepada akidah OKU Pendengaran. Misalnya, kajian oleh Ahmad Izzuddin Abu Bakar et al. (2019) bertajuk *Challenges Faced by Malaysian Muslims' Deaf Community in Learning Akidah* membincangkan cabaran utama yang dihadapi oleh OKU Pendengaran dalam mempelajari akidah. Antara isu yang dikenal pasti termasuk kekurangan istilah Bahasa Isyarat Islam (BII) berkaitan terminologi akidah serta penggunaan bahasa isyarat agama lain sebagai rujukan utama, yang seterusnya menyebabkan kekeliruan dalam pemahaman konsep asas akidah. Kajian ini mencadangkan agar ibu bapa, pendidik, dan pendakwah menguasai kemahiran bahasa isyarat bagi memudahkan penyampaian ilmu akidah kepada komuniti ini.

Selain itu, kajian oleh Nurul Nadhirah Abdul Kadir et al. (2023) bertajuk *Kajian Pemantapan Aqidah OKU Pendengaran melalui Kisah Nabi Isa* menekankan kepentingan pemahaman akidah dalam kalangan OKU Pendengaran. Kajian ini mendapati bahawa walaupun terdapat usaha seperti pembangunan aplikasi Quran Isyarat dan kelas Fardu Ain khusus untuk OKU Pendengaran, namun masih wujud kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam bahasa isyarat serta akses kepada sumber pembelajaran yang mesra OKU Pendengaran. Justeru, kajian ini mencadangkan agar naratif dakwah tauhid dalam al-Quran diterjemahkan ke dalam bahasa isyarat bagi meningkatkan pemahaman akidah dalam kalangan komuniti ini.

Manakala, dalam konteks antarabangsa, penyelidikan berkaitan akidah bagi OKU Pendengaran semakin mendapat perhatian. Contohnya, kajian oleh Ahmad Khoirul Anam (2018) bertajuk *Strategi Pembelajaran Tauhid bagi Penyandang Tunarungu* meneliti pendekatan pembelajaran tauhid untuk OKU Pendengaran di Pondok Pesantren Khoiru Ummah. Kajian ini mengenal pasti lima elemen utama dalam strategi pembelajaran, iaitu konsep, pendekatan, metodologi, teknik, dan taktik. Faktor sokongan serta halangan dalam pengajaran tauhid turut dianalisis bagi memastikan keberkesanan proses pembelajaran.

Seterusnya, kajian oleh Sarinah (2019) dari Universitas Islam Negeri Antasari meneliti pembelajaran akidah akhlak bagi pelajar OKU Pendengaran di SDLB Negeri 2 Martapura. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun guru menyediakan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP), pelaksanaannya seringkali diubahsuai berdasarkan keperluan pelajar. Faktor sokongan termasuk komitmen guru dalam menerapkan nilai-nilai agama, manakala faktor penghalang merangkumi kurangnya tumpuan pelajar akibat persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif.

Tambahan pula, kajian oleh Rizka Maulida (2022) bertajuk *Bimbingan Keislaman Terhadap Anak Tunarungu di SLB Negeri Puruk Cahu* memfokuskan kepada pelaksanaan bimbingan guru Pendidikan Islam terhadap pelajar OKU Pendengaran. Kajian ini mendapati bahawa pemahaman pelajar mengenai akidah masih terhad disebabkan kesukaran memahami konsep abstrak serta tahap ingatan yang rendah. Oleh itu, kaedah pengajaran seperti pengulangan, penggunaan bahasa isyarat, demonstrasi, serta pemberian ganjaran diaplikasikan bagi meningkatkan kefahaman pelajar.

Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penyelidikan berkaitan pendidikan akidah Islam untuk OKU Pendengaran masih berada pada peringkat awal di Malaysia. Kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada aspek ibadah, munakahat, dan pendidikan al-Quran berbanding aspek khusus akidah. Beberapa kajian turut mengenal pasti cabaran utama dalam pembelajaran akidah, seperti kekurangan istilah Bahasa Isyarat Islam, kesilapan penggunaan bahasa isyarat agama lain, serta kekurangan tenaga pengajar dan bahan bantu mengajar yang mesra OKU Pendengaran.

Oleh itu, kajian ini memberikan tumpuan khusus kepada penerokaan pengetahuan OKU Pendengaran mengenai asas tauhid kepada Allah SWT berdasarkan Surah al-Ikhlas. Dengan menekankan pemahaman konsep tauhid secara asas serta aplikasinya dalam kehidupan seharian komuniti OKU Pendengaran, kajian ini menyumbang kepada pendekatan yang lebih spesifik dalam memahami tauhid dalam konteks pembelajaran mereka—satu dimensi yang masih kurang diterokai dalam kajian sedia ada.

4. METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama bagi pengumpulan data. Seramai 12 responden OKU Pendengaran terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada tiga orang lelaki dan sembilan orang perempuan yang berumur antara 33 hingga 67 tahun. Semua responden merupakan ahli Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA).

Soal selidik yang digunakan dibina berdasarkan tafsiran surah al-Ikhlas dan dikaitkan dengan pengalaman harian OKU Pendengaran. Instrumen ini mengandungi 24 soalan yang telah disemak oleh pakar bagi memastikan ketepatan dan kesesuaian kandungannya. Soalan-soalan ini merangkumi aspek keesaan Allah, serta sebahagian daripada sifat wajib Allah seperti Allah Maha Esa, as-Samad (tempat bergantung segala makhluk), dan sifat mustahil Allah yang menafikan segala bentuk penyamaan atau kekurangan dalam Zat-Nya. Soalan disusun dalam bahasa Melayu yang mudah dengan laras bahasa yang rendah. Selain itu, semua teks dalam soal selidik ditulis menggunakan huruf besar selaras dengan tatabahasa bahasa isyarat, yang mensyaratkan penggunaan huruf besar dalam penulisan. Pilihan jawapan yang disediakan hanya terdiri daripada dua pilihan, iaitu "Betul" atau "Tidak".


Seorang OKU Pendengaran yang mahir dalam bahasa isyarat serta mempunyai tauliah mengajar agama Islam turut membantu dalam menerangkan setiap soalan kepada responden. Beliau akan menjelaskan soalan satu per satu, dan semua responden perlu menyelesaikan jawapan mereka sebelum beralih ke soalan seterusnya. Pendekatan ini memastikan setiap responden memahami soalan dengan jelas dan mengelakkan salah faham semasa menjawab soal selidik. Dari segi permarkahan, julat peratusan penilaian dikira berdasarkan Julat Gred Penilaian Peperiksaan Sekolah Rendah. Walaupun soal selidik ini disasarkan kepada komuniti OKU Pendengaran Muslim dewasa, namun tahap soalan yang digunakan lebih tertumpu kepada kandungan yang sesuai dengan kurikulum Sekolah Rendah.

5. DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan OKU Pendengaran Muslim mengenai sifat-sifat Allah SWT berdasarkan Surah al-Ikhlas. Dapatan kajian ini disusun mengikut objektif kajian dan dibahagikan kepada dua bahagian utama. Pertama, demografi responden yang terdiri daripada 12 orang individu OKU Pendengaran Muslim dari Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan, dengan latar belakang pendidikan yang berbeza. Kedua, analisis hasil soal selidik yang dijalankan untuk menilai pemahaman responden secara keseluruhan dan pemahaman khusus mengenai sifat wajib dan sifat mustahil bagi Allah SWT.

Demografi responden


Maklumat demografi responden kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1, yang memaparkan taburan jantina responden dalam bentuk carta pie;



Rajah 1: Carta pie tentang jantina responden

Rajah 1 menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan seramai 12 orang responden yang terdiri daripada 3 orang lelaki (25%) dan 9 orang perempuan (75%). Manakala, Rajah 2 menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai kumpulan umur, dengan lingkungan usia antara 33 hingga 67 tahun. Majoriti responden berada dalam kategori umur 50 tahun ke atas,


menunjukkan bahwa kumpulan ini mempunyai pengalaman dan perspektif yang lebih matang dalam konteks kajian yang dijalankan.



Rajah 2: Carta graf tentang umur responden

Prestasi Keseluruhan Responden dalam Menjawab Soalan

Hasil analisis prestasi responden dalam menjawab soalan dapat dilihat secara visual melalui Rajah 3, yang menunjukkan dapatan soal selidik dan peratusan (%) responden;



Rajah 3: Dapatan soal selidik dan peratusan (%) responden

Rajah 3 memaparkan prestasi 12 responden (R1 hingga R12) bagi 24 soalan, di mana warna hijau mewakili jawapan betul dan warna merah mewakili jawapan salah. Analisis menunjukkan variasi prestasi yang ketara di kalangan responden. R1 dan R3 menunjukkan pencapaian sempurna dengan menjawab kesemua 24 soalan dengan betul (100%), menunjukkan penguasaan penuh terhadap kandungan pembelajaran. R4 dan R5 mengikuti dengan prestasi hampir sempurna (23 jawapan betul, 96%), dengan hanya satu kesalahan setiap seorang. R9 menunjukkan penguasaan yang baik dengan 21 jawapan betul (86%), manakala R8 menjawab 17 soalan dengan betul (71%). Sebaliknya, R6 dan R7 menunjukkan prestasi sederhana dengan 11-12 jawapan betul (46-50%), mencadangkan wujudnya kelemahan dalam memahami konsep tertentu. Prestasi terlemah ditunjukkan oleh R12 (10 jawapan betul, 42%), R11 (9 jawapan betul, 36%), dengan R2 (7 jawapan betul, 29%) dan R10 (5 jawapan betul, 21%) mencatatkan hasil yang sangat kurang memuaskan.

Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap pemahaman di kalangan responden. Untuk mengira peratus pemahaman keseluruhan, jumlah jawapan betul daripada setiap responden dikira dan kemudian dijumlahkan. R1 dan R3, yang mendapat markah penuh, menyumbang 48 jawapan betul (2 orang x 24 jawapan), manakala R4 dan R5, yang hampir sempurna, menyumbang 46 jawapan betul (2 orang x 23 jawapan). Responden lain seperti R9 (21 jawapan betul), R8 (17 jawapan betul), R7 (12 jawapan betul), R6 (11 jawapan betul), R12 (10 jawapan betul), R11 (9 jawapan betul), R2 (7 jawapan betul), dan R10 (5 jawapan betul) turut menyumbang kepada jumlah keseluruhan.

Apabila jumlah jawapan betul dijumlahkan, terdapat 186 jawapan betul daripada 288 soalan yang dijawab oleh semua responden (12 orang x 24 soalan). Dengan membahagikan jumlah jawapan betul dengan jumlah soalan dan mendarabkan dengan 100, peratus pemahaman keseluruhan adalah sebanyak 64.58% seperti pengiraan dibawah;

$$\text{Peratus Pemahaman} = \left(\frac{186}{288} \right) \times 100 = 64.58\%$$

Angka ini menunjukkan bahawa secara purata, prestasi kumpulan ini berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara dalam prestasi individu. R1 dan R3 menunjukkan penguasaan penuh dengan menjawab semua soalan dengan betul, manakala R10 hanya mampu menjawab 5 soalan dengan betul sahaja, yang menunjukkan tahap pemahaman yang sangat rendah. Berikut Jadual 1 menunjukkan kaedah pengiraan bagi pemahaman keseluruhan responden;

Jadual 1: Kaedah pengiraan peratusan pemahaman keseluruhan responden

Pengiraan Jawapan Betul	Jumlah Soalan Keseluruhan	Formula Peratusan	Interpretasi Hasil
R1 & R3 (100%): $2 \times 24 = 48$ R4 & R5 (96%): $2 \times 23 = 46$ R9 (86%): $1 \times 21 = 21$ R8 (71%): $1 \times 17 = 17$ R7 (50%): $1 \times 12 = 12$ R6 (46%): $1 \times 11 = 11$ R12 (42%): $1 \times 10 = 10$ R11 (36%): $1 \times 9 = 9$ R2 (29%): $1 \times 7 = 7$ R10 (21%): $1 \times 5 = 5$ Jumlah jawapan betul = $48+46+21+17+12+11+10+9+7+5 = 186$	12 responden x 24 soalan = 288 soalan	Peratus pemahaman $\left(\frac{186}{288} \right) \times 100 = 64.58\%$	• Prestasi kumpulan menunjukkan: Purata keseluruhan: 64.58% (186/288) • Tahap pencapaian: Baik • Pencapaian tertinggi: R1 & R3 (100%)

Secara keseluruhannya, dapatan ini mencerminkan bahawa walaupun terdapat beberapa responden yang menunjukkan pemahaman yang sangat baik, prestasi keseluruhan menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam pemahaman keseluruhan di kalangan responden. Meskipun prestasi rata-rata berada pada tahap sederhana, langkah-langkah perlu diambil untuk membantu responden yang menunjukkan pencapaian rendah dalam meningkatkan pemahaman mereka terhadap topik yang diuji.

Analisis Jawapan Responden terhadap Sifat Wajib dan Sifat Mustahil Allah SWT

Berdasarkan analisis tersebut, hasil jawapan responden dapat dilihat secara terperinci dalam Jadual 2 menjelaskan dapatan yang sama dalam bentuk jadual;

Jadual 2: Data jawapan responden bagi setiap soalan

No.	Soalan	Sifat	Betul	Salah	% Betul	% Salah
1	ALLAH ITU SATU? BETUL?	Sifat Wajib	12	0	100%	0%
2	SEMUA MAKHLUK MAHU ALLAH TOLONG? BETUL?	Sifat Wajib	12	0	100%	0%
3	ALLAH SAMA DENGAN MANUSIA? ADA TANGAN, KAKI DAN LAIN-LAIN. BETUL?	Sifat Mustahil	5	7	42%	58%
4	ALLAH LELAKI? BETUL?	Sifat Mustahil	7	5	58%	42%
5	ALLAH PEREMPUAN? BETUL?	Sifat Mustahil	5	7	42%	58%
6	ALLAH ADA ANAK? BETUL?	Sifat Mustahil	7	5	58%	42%
7	ALLAH ADA IBU AYAH? BETUL?	Sifat Mustahil	5	7	42%	58%
8	ALLAH BOLEH KAHWIN? BETUL?	Sifat Mustahil	7	5	58%	42%
9	ALLAH ADA ADIK-BERADIK? BETUL?	Sifat Mustahil	6	6	50%	50%
10	ALLAH MAKAN? BETUL?	Sifat Mustahil	6	6	50%	50%
11	ALLAH MINUM? BETUL?	Sifat Mustahil	7	5	58%	42%
12	ALLAH TIDUR? BETUL?	Sifat Mustahil	8	4	67%	33%
13	ALLAH PENAT REHAT? BETUL?	Sifat Mustahil	8	4	67%	33%
14	ALLAH BOLEH LIHAT SEMUA? SEMBUNYI SEMUA ALLAH BOLEH LIHAT? BETUL?	Sifat Wajib	7	5	58%	42%
15	ALLAH BOLEH DENGAR SEMUA? CAKAP DALAM HATI ALLAH BOLEH DENGAR? BETUL?	Sifat Wajib	10	2	83%	17%
16	ALLAH ADA RUMAH? BETUL?	Sifat Mustahil	6	6	50%	50%
17	ALLAH PERGI SEKOLAH BELAJAR? BETUL?	Sifat Mustahil	7	5	58%	42%
18	ALLAH PERGI KERJA DAPAT GAJI? BETUL?	Sifat Mustahil	6	6	50%	50%
19	ALLAH ADA SAKIT? BETUL?	Sifat Mustahil	6	6	50%	50%
20	ALLAH BOLEH TUA?	Sifat Mustahil	6	6	50%	50%
21	ALLAH SANGAT PANDAI?	Sifat Wajib	8	4	67%	33%
22	ALLAH SANGAT KUASA?	Sifat Wajib	10	2	83%	17%
23	SESUATU YANG TIADA, ALLAH BOLEH CIPTA BUAT ADA?	Sifat Wajib	11	1	92%	8%
24	ALLAH BOLEH MATI?	Sifat Mustahil	6	6	50%	50%
JUMLAH			228	60	79.17%	20.83%

Berdasarkan Jadual 2, data yang dikumpulkan daripada 12 orang responden melibatkan 24 soalan berkaitan sifat-sifat wajib dan mustahil bagi Allah SWT menunjukkan bahawa tahap keseluruhan kefahaman responden adalah baik. Sebanyak 228 jawapan betul direkodkan berbanding 60 jawapan salah, memberikan peratusan kebenaran keseluruhan sebanyak 79.17% dan kesalahan sebanyak 20.83%. Analisis mendalam terhadap data ini memperlihatkan beberapa pola menarik dalam pemahaman responden terhadap konsep sifat wajib dan sifat mustahil Allah SWT.

Dari aspek perbandingan peratusan antara pemahaman terhadap sifat wajib dan sifat mustahil, kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang ketara. Secara keseluruhannya, tahap kefahaman responden terhadap sifat wajib Allah mencatatkan purata sebanyak 83.3% jawapan betul, manakala kefahaman terhadap sifat mustahil hanya mencapai 52.4% jawapan betul. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden lebih cenderung untuk memahami dan mengenal pasti sifat-sifat wajib bagi Allah berbanding sifat-sifat mustahil bagi-Nya.

Pemahaman tentang sifat wajib Allah SWT

Merujuk kepada dapatan kajian tentang sifat wajib Allah SWT, secara keseluruhannya responden menunjukkan tahap pemahaman yang baik, meskipun terdapat sedikit variasi dalam penguasaan

terhadap beberapa sifat tertentu. Paling memberangsangkan, soalan 1 (ALLAH ITU SATU?) dan soalan 2 (SEMUA MAKHLUK MAHU ALLAH TOLONG?) masing-masing mendapat 100% jawapan betul. Ini menunjukkan bahawa semua responden memahami konsep keesaan Allah dan sifat Maha Penyayang Allah, yang merupakan asas utama dalam ajaran Tauhid. Seterusnya, bagi soalan 23 (SESUATU YANG TIADA, ALLAH BOLEH CIPTA BUAT ADA?), sebanyak 92% responden menjawab dengan betul. Ini membuktikan bahawa majoriti besar responden mempunyai pemahaman yang sangat baik mengenai sifat Allah sebagai Maha Pencipta, yang berkuasa menciptakan sesuatu daripada tiada kepada ada. Dalam kategori 83% jawapan betul, dua soalan dikesan, iaitu soalan 15 (ALLAH BOLEH DENGAR SEMUA? CAKAP DALAM HATI ALLAH BOLEH DENGAR?) dan soalan 22 (ALLAH SANGAT KUASA?). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memahami dengan baik sifat Allah yang Maha Mendengar segala sesuatu, sama ada yang zahir mahupun yang tersembunyi, serta sifat Allah yang Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Sementara itu, soalan 21 (ALLAH SANGAT PANDAI?) hanya memperoleh 67% jawapan betul. Walaupun majoriti responden sedar bahawa Allah Maha Mengetahui, peratusan ini mencerminkan masih ada sebahagian responden yang mungkin belum benar-benar memahami keluasan ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu. Akhir sekali, soalan 14 (ALLAH BOLEH LIHAT SEMUA? SEMBUNYI SEMUA ALLAH BOLEH LIHAT?) menunjukkan 58% sahaja jawapan betul. Dapatan ini memberi isyarat bahawa pemahaman responden terhadap sifat Allah yang Maha Melihat, termasuk perkara yang tersembunyi, masih kurang mantap dan memerlukan perhatian dan penjelasan yang lebih mendalam.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman responden terhadap sifat wajib Allah adalah berada pada tahap yang baik, terutama dalam aspek keesaan, kekuasaan dan keupayaan Allah untuk mencipta. Walau bagaimanapun, aspek berkenaan dengan sifat Maha Mengetahui, Maha Mendengar dan Maha Melihat perlu diperkukuhkan lagi melalui pendedahan dan pembelajaran yang lebih komprehensif dan berterusan.

Pemahaman tentang sifat mustahil Allah SWT

Berdasarkan analisis terhadap data kajian, didapati bahawa tahap pemahaman responden terhadap sifat mustahil Allah SWT berada pada tahap sederhana dan memerlukan peningkatan. Secara terperinci, soalan-soalan yang menunjukkan tahap kefahaman tertinggi ialah soalan 12 (ALLAH TIDUR? BETUL?) dan soalan 13 (ALLAH PENAT REHAT? BETUL?) di mana 67% responden menjawab dengan betul bahawa Allah tidak tidur dan tidak merasa penat atau memerlukan rehat. Ini menunjukkan sebahagian besar responden memahami bahawa Allah tidak bersifat seperti makhluk yang mengalami keletihan atau tidur.

Seterusnya, pada tahap 58%, terdapat beberapa soalan yang memperlihatkan kefahaman sederhana terhadap sifat mustahil Allah. Ini melibatkan soalan 4 (ALLAH LELAKI? BETUL?), soalan 6 (ALLAH ADA ANAK? BETUL?), soalan 8 (ALLAH BOLEH KAHWIN? BETUL?), soalan 11 (ALLAH MINUM? BETUL?), dan soalan 17 (ALLAH PERGI SEKOLAH BELAJAR? BETUL?). Dalam soalan-soalan ini, majoriti responden dapat memahami bahawa Allah tidak menyerupai makhluk sama ada dari sudut jantina, hubungan keluarga, keperluan minum, mahupun keperluan menuntut ilmu.

Bagi soalan-soalan dengan peratusan jawapan betul sebanyak 50%, pemahaman responden dilihat agak seimbang antara betul dan salah. Soalan-soalan tersebut ialah soalan 9 (ALLAH ADA ADIK-BERADIK? BETUL?), soalan 10 (ALLAH MAKAN? BETUL?), soalan 16 (ALLAH ADA RUMAH? BETUL?), soalan 18 (ALLAH PERGI KERJA DAPAT GAJI? BETUL?), soalan 19 (ALLAH ADA SAKIT? BETUL?), soalan 20 (ALLAH BOLEH TUA?), dan soalan 24 (ALLAH BOLEH MATI?). Keputusan ini menunjukkan bahawa separuh daripada responden masih belum mempunyai kefahaman akidah yang mantap berkaitan sifat mustahil Allah, terutamanya dalam aspek

ketidakterikatan Allah dengan sifat-sifat makhluk seperti keperluan berumah, makan, bekerja, sakit, tua dan kematian.

Akhir sekali, soalan-soalan dengan peratusan jawapan betul paling rendah, iaitu 42%, melibatkan soalan 3 (ALLAH SAMA DENGAN MANUSIA? ADA TANGAN, KAKI DAN LAIN-LAIN. BETUL?), soalan 5 (ALLAH PEREMPUAN? BETUL?), dan soalan 7 (ALLAH ADA IBU AYAH? BETUL?). Dapatan ini amat membimbangkan kerana menunjukkan sebahagian besar responden masih keliru tentang penyucian Allah daripada sifat-sifat makhluk seperti memiliki anggota badan, berjantina, dan mempunyai hubungan keluarga.

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat sebahagian responden yang menunjukkan kefahaman yang baik dalam aspek-aspek tertentu, namun masih banyak ruang yang perlu diperbaiki, khususnya dalam mengukuhkan keyakinan terhadap sifat-sifat mustahil bagi Allah SWT.

6. PERBINCANGAN

Kajian terhadap tahap kefahaman konsep tauhid dalam Islam menunjukkan beberapa fenomena penting yang memerlukan perhatian serius. Hasil analisis mendapati terdapat variasi dalam tahap kefahaman responden, di mana beberapa konsep asas difahami dengan baik, sementara konsep-konsep lain masih menimbulkan kekeliruan yang ketara.

Perbandingan Tahap Kefahaman terhadap Sifat Wajib dan Sifat Mustahil bagi Allah

Dalam menganalisis tahap kefahaman responden terhadap Sifat Wajib dan Sifat Mustahil bagi Allah, data yang diperoleh daripada 24 soalan menunjukkan perbezaan yang ketara antara kedua-dua kategori tersebut. Soalan yang berkaitan dengan Sifat Wajib Allah, yang berjumlah tujuh, menunjukkan kadar jawapan betul yang tinggi iaitu 83.3%, manakala soalan yang berkaitan dengan Sifat Mustahil Allah, sebanyak 17 soalan, mencatatkan kadar jawapan betul sebanyak 52.4%. Perbezaan ini menggambarkan bahawa responden lebih memahami dan menguasai konsep Sifat Wajib Allah berbanding Sifat Mustahil, sekali gus mencerminkan corak pendidikan akidah yang mungkin lebih menekankan aspek afirmatif (penegasan sifat) berbanding aspek negatif (penafian sifat).

Fenomena ini memberi gambaran awal bahawa pendekatan pendidikan akidah yang diamalkan cenderung untuk memberi penekanan kepada aspek afirmatif iaitu penegasan tentang sifat-sifat kesempurnaan Allah berbanding aspek negatif, iaitu penafian terhadap segala sifat yang mustahil bagi Allah. Penekanan terhadap Sifat Wajib lebih mudah difahami dan diterima oleh pemikiran, sekaligus menjadikan proses pengajaran lebih mesra dan berkesan pada peringkat awal pendidikan.

Perkara ini sejajar dengan pendekatan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam mendidik para sahabat dan generasi awal umat Islam. Baginda tidak terus memperkenalkan konsep-konsep abstrak secara mendalam, tetapi memulakan dengan pengajaran tauhid melalui memberi contoh yang baik daripada sikap Baginda (Ḥadīth. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb Solat: Bāb Witr: Juz'4:#672) . Baginda menekankan keesaan dan keagungan Allah dengan cara yang menanamkan mengajar kalimah *La ilaha Illallah* iaitu tiada Tuhan melainkan Allah. Ini penting kerana ia asas kepada akidah Islam. Tambahan, Imam Ibnul Qayyim Al Jauziyah dalam bukunya Tuhfatul-Mawdud bi Ahkaam al-Mawluḍ (1961) mengatakan bahawa;

“Hendaklah kalimat pertama yang menyentuh telinga manusia ialah panggilan azan yang agung. Ia meliputi kebesaran dan kemuliaan Rabb (Tuhan) serta syahadat (pengakuan) yang merupakan langkah pertama untuk memasuki agama Islam”.

Kalimah agung ini perlu diajar secara berterusan di peringkat remaja mahupun dewasa kerana pentingnya memupuk kefahaman dan kecintaan terhadap tauhid dan keyakinan Islam sejak usia

muda sehingga dewasa. Pendidikan berterusan tentang kalimah syahadah membantu memastikan bahawa mereka memahami dan menghayati makna sebenar kalimah tersebut.

Pada masa yang sama, elemen-elemen asas dalam ajaran tauhid telah diintegrasikan secara terancang dalam pendidikan awal kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). Pada peringkat Tahun 1, murid telah didedahkan secara sistematik kepada konsep asas akidah seperti Rukun Iman terutamanya kepercayaan kepada Allah serta Rukun Islam, termasuklah hafazan dan pemahaman terhadap Kalimah Syahadah. Meskipun kajian ini menumpukan perhatian terhadap golongan dewasa, penekanan terhadap aspek akidah ini telah pun diberikan sejak mereka berada di bangku sekolah rendah. Pendekatan ini mencerminkan komitmen sistem pendidikan negara dalam memastikan pemahaman akidah yang kukuh dapat dicapai oleh semua golongan, termasuk mereka yang mempunyai keperluan pendidikan khas. Pengajaran yang berstruktur sejak peringkat awal persekolahan ini membentuk asas kepercayaan yang jelas dan mantap, sekali gus menyokong pencapaian objektif pendidikan Islam dalam melahirkan jati diri Muslim yang holistik, meskipun dalam kalangan individu yang menghadapi cabaran fizikal seperti kekurangan keupayaan pendengaran.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kajian ini juga menunjukkan kelemahan dalam penguasaan responden terhadap konsep Sifat Mustahil bagi Allah. Daripada 17 soalan berkaitan dengan Sifat Mustahil Allah, kadar jawapan betul hanya mencapai 52.4%. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada salah faham ini ialah kebergantungan OKU Pendengaran terhadap maklumat visual yang bersifat konkrit. Komunikasi dalam kalangan komuniti ini banyak bergantung kepada kekuatan visual untuk memahami konsep (Zaccagnini, 2017; Annelies, 2014). Oleh itu, konsep ketuhanan yang bersifat abstrak seperti Allah tidak berjasad, tidak dapat dilihat, dan tidak serupa dengan makhluk menjadi sukar difahami jika tidak dibantu dengan pendekatan pengajaran yang bersesuaian (Muhammad Zaid Abdul Samat et al., 2023; Rosalinda et. al., 2022; Rosamund, 2022; Bernhardt, 2021; Iizuli, 2021; Isti Lailatul et. al., 2021; Ahmad Izzuddin et. al., 2019; Brown, 2018). Tanpa sokongan visual yang sesuai, OKU Pendengaran mungkin secara tidak sedar membentuk gambaran Allah berdasarkan apa yang mereka biasa lihat dan fahami, seperti manusia atau makhluk hebat lain.

Tambahan pula, ketiadaan model pengajaran Tauhid yang dirangka khusus untuk OKU Pendengaran turut menyumbang kepada kekeliruan ini (Norakyairee Mohd Raus, 2018; Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2017; Muhammad Suyuti et al., 2016; Mustafa Che Omar et al., 2015). Kebanyakan pendekatan pengajaran yang digunakan masih berasaskan kepada keperluan orang dengar. Ini menyebabkan kandungan Tauhid disampaikan tanpa mengambil kira aspek visual, linguistik, dan kognitif OKU Pendengaran. Ketiadaan model yang menyokong pembelajaran abstrak secara visual menjadikan mesej ketuhanan kurang difahami dengan tepat.

Selain itu, kebanyakan guru pendidikan Islam belum mendapat latihan khusus untuk mengajar OKU Pendengaran (Sarah et. al., (2021); Nizaita Omar et al., (2021); Nurul Zainab (2020); Ntinda et. al., (2019) dan Nurul Asiah Fasehah & Siti Ramna (2019)). Kemahiran dalam Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) juga masih rendah dalam kalangan tenaga pengajar, dan ini menjejaskan keupayaan guru untuk menyesuaikan pengajaran dengan keperluan komunikasi OKU Pendengaran (Nurul Zainab, 2020); Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2017). Kekurangan ini mewujudkan jurang dalam penyampaian ilmu, terutama bagi konsep-konsep yang lebih tinggi seperti Sifat Mustahil Allah.

Satu lagi cabaran yang ketara ialah kekurangan isyarat khusus yang mantap bagi menggambarkan sifat-sifat Allah (Ahmad Izzuddin Abu Bakar et al., (2019); Dzulkifli et al, (2020). Sifat-sifat Allah seperti Wujud, Qidam, Baqa, dan lain-lain masih belum mempunyai standard isyarat yang diterima pakai secara meluas. Ini menyebabkan guru sukar menyampaikan konsep-konsep

Tauhid dengan tepat, manakala orang pula gagal memahami makna yang tersirat di sebalik sifat-sifat tersebut secara mendalam.

Salah satu faktor lain yang turut memainkan peranan penting ialah sikap individu OKU Pendengaran itu sendiri serta latar belakang pendidikan agama yang mereka terima (Majudiri Y Foundation for the Deaf, 2006). Terdapat dalam kalangan mereka yang tidak memperoleh pendidikan agama secara tersusun dan sistematik sejak usia kanak-kanak, di samping wujudnya individu yang kurang mendapat pendedahan serta bimbingan agama sama ada di peringkat keluarga mahupun institusi pendidikan formal. Keadaan ini seterusnya mengakibatkan berlakunya ketidakupayaan untuk memahami konsep-konsep asas dalam agama secara mendalam, sekali gus menyebabkan mereka berasa kurang yakin dan tidak selesa untuk mengemukakan pertanyaan apabila menghadapi kekeliruan terhadap sesuatu konsep keagamaan.

OKU Pendengaran juga sering mengalami keterbatasan dari segi kosa kata, sama ada dalam Bahasa Melayu mahupun dalam Bahasa Isyarat (Siti Noridayu Abd. Nasir et. al., 2024 & 2022; Subasno & Hitipeuw, 2023; Joe Bracraft et. al., 2021;). Kekangan ini memberi kesan langsung kepada kemampuan mereka untuk memahami istilah-istilah agama seperti *Zat*, *Sifat*, *Ghaib* dan *Kekal* yang sering digunakan dalam pengajaran Tauhid. Tanpa pemahaman yang kukuh terhadap kosa kata ini, kefahaman orang terhadap konsep-konsep agama menjadi cetek dan kabur.

Akhir sekali, bahan rujukan agama yang ada, termasuk buku teks Pendidikan Islam, kebanyakannya tidak mesra untuk komuniti pekak (Muhammad Sayuti et al., 2020). Ia mengandungi terlalu banyak teks dengan laras bahasa yang tinggi serta gaya bahasa kiasan, yang lebih sesuai untuk pelajar tipikal. Gaya penyampaian ini menyukarkan pemahaman bagi komuniti pekak yang bergantung kepada komunikasi visual dan literal. Tanpa sokongan visual atau aktiviti praktikal, mereka mudah tersilap faham, termasuk dalam memahami sifat Allah yang boleh disamakan dengan makhluk secara tidak tepat.

Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman konsep Tauhid dalam kalangan OKU Pendengaran adalah tidak seimbang, terutamanya dalam memahami Sifat Mustahil berbanding Sifat Wajib bagi Allah. Responden lebih memahami konsep afirmatif seperti Sifat Wajib kerana ia lebih mudah diterjemah melalui pengalaman konkrit dan komunikasi visual. Sebaliknya, konsep-konsep abstrak seperti Allah tidak berjasad atau tidak menyerupai makhluk menghadirkan cabaran besar, disebabkan ketiadaan pendekatan pengajaran yang sesuai, kekurangan kosa kata agama dalam Bahasa Isyarat, dan bahan rujukan yang tidak mesra visual.

Berdasarkan dapatan ini, kajian akan datang dicadangkan untuk menumpukan kepada pembangunan model pengajaran Tauhid berasaskan visual khusus untuk OKU Pendengaran, termasuk penggunaan video, grafik, dan animasi. Selain itu, penyelidikan juga boleh dijalankan untuk membangunkan dan memformalkan isyarat khusus bagi sifat-sifat Allah agar dapat digunakan secara meluas dan konsisten. Kajian tindakan yang melibatkan latihan guru Pendidikan Islam dalam penguasaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) juga penting untuk menilai keberkesanan intervensi ini dalam meningkatkan kefahaman pelajar pekak terhadap konsep ketuhanan.

Hasil kajian ini membawa implikasi penting kepada kurikulum, latihan guru, dan dasar pendidikan khas. Kurikulum Pendidikan Islam perlu ditambah baik dengan memasukkan elemen visual dan literal yang lebih sesuai untuk komuniti pekak. Guru pula perlu diberikan latihan khusus dalam penguasaan BIM dan pedagogi inklusif agar mereka mampu menyampaikan pengajaran akidah secara lebih efektif. Akhir sekali, bahan rujukan dan buku teks Pendidikan Islam perlu diterbitkan dalam format mesra pekak dengan kandungan yang lebih literal, bergambar dan berorientasikan pengalaman visual untuk memastikan mesej Tauhid sampai dengan tepat dan bermakna.

7. PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima dan sekalung penghargaan kepada Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) kerana memberi ruang dan peluang bagi menjalankan kajian ini.

8. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa tahap pemahaman OKU Pendengaran Muslim terhadap sifat-sifat Allah SWT berdasarkan Surah al-Ikhlās berada pada tahap memuaskan. Prestasi keseluruhan responden dalam menjawab 24 soalan yang diberikan mencatatkan purata sebanyak 64.58%. Ini mencerminkan bahawa walaupun secara umum tahap penguasaan adalah sederhana, terdapat individu yang menunjukkan kefahaman yang sangat baik. Dari segi analisis secara keseluruhan responden, data menunjukkan bahawa sebanyak 228 jawapan betul direkodkan daripada 288 jawapan keseluruhan, menghasilkan peratusan ketepatan sebanyak 79.17%. Ini menggambarkan tahap pemahaman yang baik dalam kalangan responden. Namun, kajian mendapati terdapat perbezaan yang ketara dalam pemahaman terhadap sifat wajib dan sifat mustahil Allah. Responden lebih memahami sifat wajib Allah, dengan purata jawapan betul sebanyak 83.3%, berbanding dengan sifat mustahil Allah yang hanya mencatatkan 52.4% jawapan betul. Dapatan ini memperlihatkan bahawa konsep sifat wajib seperti keesaan, kekuasaan, dan kemampuan Allah lebih mudah difahami oleh responden berbanding konsep sifat mustahil yang memerlukan kefahaman lebih mendalam tentang ketidaksamaan Allah dengan makhluk. Oleh itu, kajian mencadangkan agar pendekatan pengajaran dan pembelajaran berkaitan sifat mustahil Allah SWT diperkukuhkan lagi untuk memastikan kefahaman akidah yang lebih seimbang dan menyeluruh dalam kalangan OKU Pendengaran Muslim.

RUJUKAN

Al-Qur'an

- Abu Bakar, A. I., Hamdani, N., & Alias, N. A. (2019). Challenges Faced by Malaysian Muslims' Deaf Community in Learning Akidah: Discussions and Suggestions. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 3(2), 22–27. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol3no2.45>
- Agung, B., Ramdhani, K., & Zuhri, M. (2020). Konsep Tauhid Sebagai Subtansi Pendidikan Islam: Belajar dari Pengalaman Luqman Al-Hakim dalam Qur'an Surat Lukman Ayat 13. *Tarbawiyah : Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 3(2), 271-290.
- Al-Attas, S. M. N. (2001). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)
- Al-Bukhārī, M. I. n.d. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Vol. 1-6. Bayrūt: cĀlam al-Kutub.
- Anam, A. K. (2017). Strategi Pembelajaran Tauhid Bagi Penyandang Tunarungu (Studi Kasus Pada Pondok Pesantren Khoiru Ummah di Kecamatan Ngaliyan Kota Semarang).
- Badiuzzaman Said Nursi. 2021. *Terjemahan Risalah Iman dan Solat*. Penerbitan Hayrat.
- Barcroft, J., Grantham, H., Mauzé, E., Spehar, B., Sommers, M. S., Spehar, C., & Tye-Murray, N. (2021). Vocabulary acquisition as a by-product of meaning-oriented auditory training for children who are deaf or hard of hearing. *Language, speech, and hearing services in schools*, 52(4), 1049-1060.

- Dzulkifli, I., Suhid, A., Fakhrudin, F. M., & Ahmad, N. A. (2020). Teacher communication in teaching al-Quran to special needs pupils with hearing disabilities. *Universal Journal of Educational Research*, 8(1), 36-43.
- Hamzah Ya'qub. (1988). *Kuliah ilmu tauhid (ilmu kalam)*. Pustaka Nasional.
- Ibnul Qayyim Al Jauziyah. (1961). *Tuhfatul-Mawdud bi Ahkaam al-Mawlad* (2nd ed.) [Review of *Tuhfatul-Mawdud bi Ahkaam al-Mawlad*]. Dar Ibn Hazm.
- Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). (2021). Bengkel Pembinaan Glosari Bahasa Isyarat Islam (Akidah) Bagi Komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). <https://www.islam.gov.my/ms/berita/2552-bengkel-pembinaan-glosari-bahasa-isyarat-islam-akidah-bagi-komuniti-orang-kurang-upaya-oku-pendengaran>
- Khamaruddin, S. R., Muhamad, N. A. F., Raus, N. M., Yusoff, A. M., Hashim, M., Jaafar, N., & Rasdi, M. N. A. (2020). Penilaian Bahasa Isyarat Baharu untuk Pengajaran dan Pembelajaran Solat bagi Orang Pekak: [Evaluation of New Sign Language for Teaching and Learning of Prayers for Deaf People]. 32, 93–131. <https://doi.org/10.33102/UIJ.VOL32NO.178>
- Lualdi, C., Spiecker, B., Wooten, A., & Clark, K. (2023). Advancing scientific discourse in American Sign Language. *Nature Reviews Materials*, 8(10), 645–650. <https://doi.org/10.1038/s41578-023-00575-9>
- Majudiri Y Foundation for the Deaf. 2006. *Understanding Deaf Culture: Malaysian Perspectives*. Kuala Lumpur.
- Muhammad al-Amīn bin 'Abd Allāh al-Harārī, Tafsīr Ḥadā'iq al-Rūḥ wa al-Rayḥān fī Rawābī 'Ulūm al-Qur'ān (Beirut: Dār Tawq al-Najāt, 2001), 32:434.
- Muhammad Sayuti Bin Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof & Nazean Jomhari. 2020. Keperluan Pembangunan Modul Pedagogi Sūrah Al-Fatihah dan Tiga Qul Berasaskan Teknologi Untuk Pelajar Pekak di Kolej Vokasional. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 13-26.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Dato' Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, Nor 'Aziah Mohd Daud, & Noor Fadilah Md Aslie. (2016). Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan Quran bagi Golongan Pekak di Malaysia: *Jurnal al-Turath*. Vol.1, No. 2: 43-51.
- Muhammad, N. A. F., & Khamaruddin, S. R. (2019). Worship Learning Issue Among The Deaf People In Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 10(04), 2329-2339.
- Mustafa , C., Nik Hassan, S., Abdullah, Y., & Abdul Hakim, A. (2015). Kesukaran Mengajar dan Belajar Quran dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam. *International Seminar on Quran in Contemporary Society* (pp. 208-221). UnisZA: Faculty of Islamic Contemporary Studies.
- Nik Mohd. Mohyideen Musa. (1987). *Pelajaran Tauhid*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ntinda, K., & Tfusi, B. (2019). Experiences of Teachers of Deaf and Hard-of-Hearing Students' in a Special Needs School: An Exploratory Study. *Journal of Education and Training Studies*, 7(7), 79-89.
- Nurul Nadhirah Abdul Kadir, Wan Mariah Wan Othman Kamal, Mohamad Khairul Azman Shamsuddin, & Siti Mardhiyah Kamal Azhar. (2023). *Kajian Pemantapan Aqidah Orang*

- Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Melalui Kisah Nabi Isa. *Jurnal Penyelidikan Islam Dan Kontemporari*, 6(11). Retrieved from <https://academicinspired.com/joirc/article/view/2342>
- Omar, N. . (2021). Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardhu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Di Malaysia: Challenges in Teaching and Learning of Fardhu Ain Classes for the Deaf in Malaysia. *Sains Insani*, 6(3). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.365>
- Omar, N. binti, Muda, Z. bin, Yakar, S. Y. bin, & Maoti, M. (2021). Obligation of Religious Practices for the Deaf. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 1274–1283.
- Raus, N. H. M., & Nabil, N. A. (2017). Model dan kurikulum pendidikan Al-Quran holistik bagi OKU. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs*.
- Rizka Maulida. (2022). Bimbingan Keislaman Terhadap Anak Tunarungu di SLB Negeri Puruk Cahu Kabupaten Murung Raya Kalimantan Tengah. *Skripsi Bimbingan dan Penyuluhan Islam, Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi*.
- Sarinah. (2019). Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Materi Akidah pada Anak Tunarungu di SDLB Negeri 2 Martapura. *Universitas Islam Negeri Antasari*.
- Shuriye Abdi Omar. (2014). The Role of Tawheedic Stimulus in the Conscience of Muslim Individuals. (2014). *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(23), 1940.
- Siti Noridayu Abd Nasir, Hazlina Abdul Halim, & Ahmad Shuib Yahaya. (2024). Penguasaan Bahasa Wanita Pekak dan Impak kepada Pemerolehan Bahasa Anak. *Journal of Communication in Scientific Inquiry (JCSI)*, 4(2), 153–168. Retrieved from <https://ejournal.unimap.edu.my/index.php/jcsi/article/view/1060>
- Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim, Ahmad Shuib Yahaya (2022). Cacat Pendengaran dari Aspek Linguistik Klinikal: Hearing Impairment in A Clinical Linguistic Aspect . *Sains Insani*, 7(2), 100-108.
- Subasno, Y., & Hitipeuw, I. (2023). Single-case study: Effectiveness of multilayer model to improve vocabulary knowledge of deaf students. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 17(3), 382–397. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v17i3.20855>
- Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias & Zawawi Ismail. (2017). Isu dan Cabaran Dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Qur'ān Sunnah Education and Special Needs*, 1(1).
- Tuan Guru Haji Muhammad Samman Kati, (1952). *Masa'il al-Tawhid Pelajaran Ilmu Tauhid secara Soal Jawab*. Pencetak dan Penerbit: 52 Kota Road, Taiping.
- Yusoff, Pauzi, Hamat, M. F., & Mohamed Adnan, M. A. (2022). Pemikiran Tuan Minal dalam Membahaskan Aspek Mabadi 'Ilm Tawhid dan Ilah dalam Kitab 'Aqidah al-Najin: Tuan Minal's Thinking in Debating Aspen's Mabadi 'Ilm Tawhid and Ilah in 'Aqidah al-Najin Book. *Jurnal Usuluddin*, 50(2), 65–88.
- Zainab, N. (2020). Islamic Education for Deaf Students in Special Education School in Madura. In *International Conference on Community Development (ICCD 2020)* (pp. 555-558). Atlantis Press.

Siti Ramna binti Khamaruddin (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: amnamuhammad94@gmail.com

Nurul Asiah Fasehah Muhamad
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: nurulasiahfasehah@usim.edu.my

Norakyairee Mohd Raus
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: norakyairee@usim.edu.my

Siti Mardhiyah Kamal Azhar
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: mardhiyah@usim.edu.my